

GP: dan Piawaian Perancangan Tempat Letak Kereta

JPBD 5/2000



GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT LETAK KERETA



**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMANJUNG MALAYSIA**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Cetakan Pertama 2000
Cetakan Kedua 2002
© Hakcipta
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia

Hakcipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak
boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara
yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan
dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, samada
dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya
tanpa kebenaran bertulis daripada
Penerbit terlebih dahulu.

ISBN 983-9396-57-9

KDN : BP/301/22 Jld. 19 SEM/2.

Diterbitkan di Malaysia
Oleh
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia.
Tel : 03-26989211 Fax : 03-26929994

Dicetak oleh:
Misas Advertising
No. 7, Jalan 6/23E,
Taman Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur.
Tel./Fax No: 03-40242004

Harga :RM35.00

KATA ALUAN

*Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia*



Dengan kepesatan pembangunan negara dari segi fizikal, ekonomi dan sosial sejak akhir abad 80an, pertumbuhan pemilikan dan penggunaan kenderaan persendirian telah meningkat dengan mendadak. Antara implikasi utama dari pertumbuhan kadar pemotoran ini ialah peningkatan dalam permintaan terhadap ruang untuk tempat letak kereta khususnya dalam kawasan bandar. Situasi ini dibeban lagi oleh peningkatan intensiti pembangunan dan fungsi pusat bandar, pengasingan serta pengkhususan gunatanahnya dan perkhidmatan pengangkutan awamnya yang tidak memuaskan.

Penyediaan ruang untuk tempat letak kereta perlu dikaji dan dikekalkan dengan kapasiti jalan-jalan utama bandar. Justeru itu, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia dengan bantuan dan kerjasama beberapa pakar tempatan telah berusaha menyediakan satu garis panduan dan piawaian perancangan tempat letak kereta yang sesuai dan berkesan serta selaras dengan perkembangan semasa. Piawaian perancangan ini dari masa ke semasa akan dikaji semula dengan mempertimbangkan perubahan dalam pelbagai faktor yang mengambikira tahap keperluan tempat letak kereta dalam bandar berasaskan kepada prinsip-prinsip perancangan dan pembangunan sejagat.

Garis Panduan dan Piawaian Perancangan ini merupakan cetakan ketiga disediakan untuk kegunaan Pihak Berkuasa Negeri dan Tempatan, agensi-agensi kerajaan dan badan-badan berkanun serta pihak swasta di dalam merancang dan menyediakan tempat letak kenderaan yang sesuai di dalam pembangunan tempat masing-masing.

Akhir kata saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di atas kerjasama dan sokongan untuk menghasilkan Piawaian Perancangan Tempat Letak Kereta ini.



DATO' WAN MOHAMAD MUKHTAR B. MOHD. NOOR
(D.P.C.M., D.P.M.T., D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., A.M.N.)

1.0	TUJUAN	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	LATAR BELAKANG	1
3.1	Latar Belakang Tempat Letak Kereta	1
3.2	Definisi Tempat Letak Kereta	2
3.3	Isu-Isu Semasa	3
4.0	PRINSIP PERANCANGAN	3
4.1	Adil	4
4.2	Kemudahsampaian	4
4.3	Keselamatan Dan Keselesaian	4
4.4	Berkualiti Dan Berkemampuan	4
4.5	Penjimatan Dan Cekap	4
5.0	DASAR PELAKSANAAN	4
5.1	Penyediaan Rancangan Tempat Letak Kereta Yang Komprehensif Di Peringkat Bandaran	4
5.2	Penentuan Had Maksimum Bilangan Tempat Letak Kereta	4
5.3	Perincian Penyediaan Tempat Letak Kereta Dalam Projek Pembangunan	5
5.4	Syarat Berkaitan Kemudahan Letak Kenderaan Dalam Pengeluaran Sijil Kelayakan Mendiami (CFO)	5
5.5	Penyediaan Tempat Letak Kereta Berkongsi	6
5.6	Konsep Tempat Letak Kereta Gunasama (<i>'Joint Use Parking'</i>)	6
5.7	Pengenalan Skim <i>'Parking Impression'</i>	6
5.8	Dasar Bayaran Tempat Letak Kereta	6
6.0	GARIS PANDUAN UMUM	7
6.1	Pengkelasan Piawaian Mengikut Saiz Penduduk Bandar	7
6.2	Piawaian Berdasarkan <i>'Modal Split'</i> Perjalanan Bandar	7
7.0	GARIS PANDUAN KHUSUS	7
7.1	Garis Panduan Tempat Letak Kereta Perumahan	7
7.2	Piawaian Tempat Letak Kereta Perumahan	15
7.3	Garis Panduan Dan Piawaian Tempat Letak Kereta Perdagangan	18
7.4	Garis Panduan Tempat Letak Kereta Perindustrian	20
7.5	Piawaian Tempat Letak Kereta Perindustrian	22
7.6	Garis Panduan Tempat Letak Kereta Institusi	23
7.7	Piawaian Tempat Letak Kereta Institusi	23
7.8	Piawaian Tempat Letak Kereta Rekreasi	26
7.9	Garis Panduan Tempat Letak Kereta Aktiviti-Aktiviti Lain Di Bandar	28

8.0	REKABENTUK SUSUNATUR TEMPAT LETAK KERETA	29
8.1	Jenis Tempat Letak Kereta	29
8.2	Dimensi Jenis Kenderaan	29
8.3	Rekabentuk Susunatur Tempat Letak Kereta Pinggir Jalan	29
8.4	Rekabentuk Tempat Letak Kereta Bermedan	32
8.4.1	Tempat Letak Kereta Aras Tanah	32
8.4.2	Tempat Letak Kereta Bertingkat, Atas Bumbung dan Bawah Bangunan (Tingkat Bawah Dan Bawah Tanah)	33
8.4.3	'Ramp'	36
8.4.4	Tempat Letak Kereta Mekanikal	37
8.4.5	Peruntukan Umum	37
8.5	Tempat Letak Kereta Bagi Golongan Kurang Upaya	50
8.5.1	Rekabentuk Tempat Letak Kereta	50
8.5.2	Penyediaan Tempat Letak Kereta Golongan Kurang Upaya	52
8.6	Tempat Letak Lori Di Kawasan Industri/Gudang (Kawasan Punggah-Memungah)	54
8.6.1	Dimensi Tempat Letak Lori	54
9.0	GARIS PANDUAN KHAS	54
9.1	Garis Panduan Penyediaan Tempat Letak Beca	54
9.2	Garis Panduan Penyediaan Tempat Letak Basikal	57

SENARAI JADUAL

Jadual 6.1.1	Pengkelasan Piawaian Tempat Letak Kereta Mengikut Fungsi Hirarki Dan Saiz Penduduk Bandar	8
Jadual 7.2.1	Piawaian Tempat Letak Kereta Untuk Gunatanah Perumahan (Bandar > 1 Juta Penduduk)	15
Jadual 7.2.2	Piawaian Tempat Letak Kereta Bagi Gunatanah Perumahan (Bandar 300 Ribu hingga 1 Juta Penduduk)	16
Jadual 7.2.3	Piawaian Tempat Letak Kereta Bagi Gunatanah Perumahan (Bandar 100 Ribu hingga 300 Ribu Penduduk)	17
Jadual 7.3.1	Garis Panduan Tempat Letak Kereta Gunatanah Perdagangan (Bandar Melebihi 1 Juta Penduduk)	18
Jadual 7.5.1	Piawaian Tempat Letak Kereta Perindustrian Untuk Semua Bandar	22
Jadual 7.6.1	Piawaian Tempat Letak Kereta Bagi Hospital (Semua Bandar)	23
Jadual 7.7.1	Piawaian Tempat Letak Kereta Institusi atau Kesihatan (Semua Bandar)	24
Jadual 7.7.2	Piawaian Tempat Letak Kereta Institusi Dan Kemudahan Masyarakat (Semua Bandar)	24
Jadual 7.8.1	Piawaian Tempat Letak Kereta Rekreasi (Bandar >1 Juta Penduduk)	26
Jadual 7.8.2	Piawaian Tempat Letak Kereta Rekreasi (Bandar 300,000 hingga 1 Juta Penduduk)	27
Jadual 7.8.3	Piawaian Tempat Letak Kereta Rekreasi (Bandar 100 Ribu Hingga 300 Ribu Penduduk)	28
Jadual 7.9.1	Tempat Letak Kereta Aktiviti-Aktiviti Lain Di Bandar	29
Jadual 8.3.1	Dimensi Jenis Kenderaan	30

Jadual 8.4.1	Aliran Masuk Kereta Berdasarkan Kepada Jenis Laluan Keluar Masuk Tempat Letak Kereta	41
Jadual 8.4.2	Jarak Yang Diperlukan Di antara Dinding Dan Antara 'Interlocking'	42
Jadual 8.4.13	Tempat Letak Kereta Berdasarkan Jumlah Baris Dan Laluan Yang Disediakan	43
Jadual 8.4.4	Senarai Nama Pokok Yang Dicadangkan Di Kawasan Tempat Letak Kereta	49
Jadual 8.5.1	Keperluan Tempat Letak Kenderaan Bagi Golongan Kurang Upaya	51
Jadual 8.6.1	Dimensi Tempat Letak Lori	56

SENARAI RAJAH

Rajah 7.1.1	Contoh Penyediaan Tempat Letak Kereta Di Kawasan Perumahan	9
Rajah 7.1.2	Garis Panduan Tempat Letak Kereta Dalam Pembangunan Kondominium	10
Rajah 7.1.3	Garis Panduan Tempat Letak Kereta Dalam Pembangunan Kondominium (Bandar 300 Ribu Hingga 1 Juta Penduduk dan Bandar 100 Ribu Hingga 300 Ribu Penduduk)	11
Rajah 7.1.4	Garis Panduan Tempat Letak Kereta Dalam Pembangunan Apartment Kos Sederhana (Bandar Melebihi 1 Juta Penduduk)	12
Rajah 7.1.5	Garis Panduan Tempat Letak Kereta Dalam Pembangunan Apartment Kos Rendah (Bandar 300 Ribu Hingga 1 Juta Penduduk dan Bandar 100 Ribu Hingga 300 Ribu Penduduk)	13
Rajah 7.1.6	Garis Panduan Tempat Letak Kereta Dalam Pembangunan Apartmen Kos Rendah (Semua Bandar)	14
Rajah 7.6.1	Garis Panduan Tempat Letak Kereta Bagi Hospital (Semua Bandar)	23
Rajah 8.3.1	Contoh Susunatur Tempat Letak Kereta Pinggir Jalan	30
Rajah 8.3.2	Keperluan Ruang Pergerakan Kereta Mengikut Jenis Rekabentuk	31
Rajah 8.3.3	Fungsi Tempat Letak Kereta Sebagai Pemisah Kepada Ruang Pejalan Kaki	31
Rajah 8.3.4	Contoh Tempat Letak Kereta Pinggir Jalan Yang Mempunyai Ruang Landskap	32
Rajah 8.4.1	Pembahagian Kawasan Tempat Letak Kereta Berdasarkan Kepada Modul-Modul	34
Rajah 8.4.2	Contoh Susunatur Tempat Letak Kereta (Jumlah 325 Petak Kereta Dibahagi Dalam Empat Modul) Yang Mempunyai Susunan Yang Kemas Dan Mementingkan Elemen Landskap Lembut	34
Rajah 8.4.3	Jenis-Jenis Tempat Letak Kereta Bertingkat Dan Bawah Bangunan (Laluan Sehalu)	35
Rajah 8.4.4	Jenis-Jenis Tempat Letak Kereta Bertingkat dan Bawah Bangunan (Laluan Dua Hala)	35
Rajah 8.4.5	Contoh Rekabentuk Bangunan Tempat Letak Kereta Yang Menekankan Nilai Estetik Dan Sesuai Dengan Ciri-ciri Iklim Tempatan	36
Rajah 8.4.6	Rekabentuk 'Ramp' Yang Sesuai Perlu Bagi Kemudahsampaian Ke Tempat Letak Kereta	37

Rajah 8.4.7	Dimensi Tempat Letak Kereta Sebelah Jalan Bagi Jalan Sehalu	38
Rajah 8.4.8	Dimensi Tempat Letak Kereta Kedua-dua Belah Jalan Bagi Jalan Sehalu	38
Rajah 8.4.9	Dimensi Tempat Letak Kereta Sebelah Jalan Bagi Jalan Dua Hala	39
Rajah 8.4.10	Dimensi Tempat Letak Kenderaan Di 'Car-De-Sac'	40
Rajah 8.4.11	Lokasi Pintu Masuk Dan Keluar Daripada Tempat Letak Kereta	41
Rajah 8.4.12	Jarak Antara Dinding dan Antara 'Interlocking'	43
Rajah 8.4.13	Kelebaran Kawasan Tempat Letak Kereta Mengikut Jumlah Baris Yang Disediakan	44
Rajah 8.4.14	Ukuran Yang Diambilkira Dalam Menentukan Panjang Bebendul ('Curb Length')	45
Rajah 8.4.15	Ukuran Jejari Bebendul Bagi Setiap Jenis Tempat Letak Kereta	45
Rajah 8.4.16	Liputan Cahaya Lampu Yang Perlu Disediakan Di kawasan Tempat Letak Kereta	46
Rajah 8.4.17	Jarak Yang Diperlukan Bagi Menyediakan Papan Tanda Di Dalam Kawasan Tempat Letak Kereta Bertingkat dan Bawah Bangunan	48
Rajah 8.4.18	Perletakan Landskap Dalaman Dan Anjakan Landskap Yang Diperlukan Di Dalam Kawasan Tempat Letak Kereta	49
Rajah 8.4.19	Prinsip Peranan Elemen Landskap Lembut Dalam Tempat Letak Kereta Bertingkat Dan Mekanikal	50
Rajah 8.5.1	Contoh Perletakan Tempat Letak Kereta Bagi Golongan Kurang Upaya Di Sesebuah Bangunan	51
Rajah 8.5.2	Dimensi Tempat Letak Kereta Bagi Golongan Kurang Upaya	52
Rajah 8.5.3	Dimensi Tempat Letak Kereta Golongan Kurang Upaya Di Dalam Garaj	52
Rajah 8.5.4	Rekabentuk Cadangan Penyediaan Tempat Letak Kereta Bagi Golongan Kurang Upaya	53
Rajah 8.5.5	Cadangan 'Dedicated Bay' Bagi Golongan Kurang Upaya	53
Rajah 8.6.1	Ruang Menunggu Yang Perlu Disediakan Di kawasan Medan Tempat Letak Lori	55
Rajah 9.2.1	Konsep Perletakan	58

GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT LETAK KERETA

1.0 TUJUAN

Garis Panduan dan Piawaian Perancangan ini disediakan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun serta pihak swasta di dalam merancang pembangunan kawasan tempat letak kereta di kawasan pentadbiran masing-masing.

2.0 OBJEKTIF

Objektif garis panduan dan piawaian perancangan tempat letak kereta ini adalah untuk:-

- i. Memastikan tempat letak kereta disediakan di tempat yang sesuai untuk pengguna '*short-term*' dan '*long-term*' termasuk keperluan golongan kurang upaya;
- ii. Menghadkan penyediaan tempat letak kereta di pusat bandar ke arah mengurangkan penggunaan kereta persendirian dan kesesakan trafik, sebaliknya menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, berjalan kaki dan berbasikal;
- iii. Menyediakan tempat letak kereta yang rekabentuk susunaturnya sesuai bagi kemudahan, keselesaan dan keselamatan pengguna;
- iv. Menentukan lokasi tempat letak kereta bandar yang strategik untuk peningkatan kecekapan fungsi-fungsi bandar dan penggalakan aktiviti bandar;
- v. Mempertingkatkan estetik, keselesaan dan kualiti keseluruhan persekitaran bandar;
- vi. Memeruntukkan penyediaan tempat letak kenderaan berat secara berpusat di kawasan perumahan; dan
- vii. Menggariskan dasar pelaksanaan, pengurusan, operasi dan bayaran tempat letak kereta yang cekap dan berkesan.

3.0 LATAR BELAKANG

3.1 Latar Belakang Tempat Letak Kereta

Dengan kepesatan pembangunan negara dari segi fizikal, sosial dan ekonomi sejak akhir dekad 80-an, pertumbuhan pemilikan dan penggunaan kenderaan persendirian di Malaysia telah meningkat dengan mendadak. Kesan secara langsung daripada peningkatan bilangan kenderaan bermotor ialah permintaan yang tinggi terhadap ruang tempat letak kereta, terutama di kawasan bandar. Isu kekurangan tempat letak kereta ini menjadi lebih serius dengan

peningkatan intensiti pembangunan serta fungsi pusat bandar, pengasingan dan pengkhususan gunatanah bandar serta perkhidmatan pengangkutan awam yang masih kurang memuaskan dari segi kuantiti dan kualiti.

Penyediaan tempat letak kereta perlu disesuaikan dengan kapasiti jalan-jalan utama bandar. Dalam konteks ini, garis panduan dan piawaian penyediaan tempat letak kereta yang berkesan dan sesuai dengan perkembangan semasa perlu disediakan dan dikaji semula dari masa ke semasa dengan mempertimbangkan perubahan dalam pelbagai faktor yang mempengaruhi tahap keperluan tempat letak kereta dalam bandar.

Hasil penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Semenanjung Malaysia mengenai 'Kajian Semula Garis Panduan dan Piawaian Tempat Letak Kereta' menunjukkan tiada perbezaan yang ketara (*'significant variation'*) dalam keperluan tempat letak kereta bagi sesuatu gunatanah di dalam bandar-bandar di bawah kategori yang sama. Oleh itu, garis panduan dan Piawaian Perancangan ini disediakan berdasarkan empat kategori saiz bandar iaitu:

- i. Bandaraya melebihi 1 juta penduduk;
- ii. Bandar dengan penduduk antara 300,001 hingga 1 juta;
- iii. Bandar dengan penduduk antara 100,000 hingga 300,000; dan
- iv. Bandar dengan penduduk tidak melebihi 100,000.

3.2 Definisi Tempat Letak Kereta

Tempat letak kereta adalah ruang yang disediakan secara terancang sebagai tempat untuk meletak kereta ataupun kenderaan-kenderaan lain. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan ini turut mengambilkira piawaian perancangan tempat meletak kenderaan lain seperti lori, bas, motosikal, basikal, beca dan kenderaan orang kurang upaya.

Di antara jenis-jenis tempat letak kereta secara terancang yang dimaksudkan dalam definisi di atas adalah seperti berikut:

- i. Tempat Letak Kereta Luar Jalan (*'Off Street Parking'*)
 - Tempat letak kereta bermedan;
 - Tempat letak kereta bertingkat;
 - Tempat letak kereta atas bumbung;
 - Tempat letak kereta bawah tanah (*'basement'*); dan
 - Tempat letak kereta mekanikal.

- ii. Tempat Letak Kereta Pinggir Jalan ('On-Street Parking')
 - Tempat letak kereta 'perpendicular' (90 darjah);
 - Tempat letak kereta 'Parallel' (180 darjah); dan
 - Tempat letak kereta 'angle' dan 'Diagonal' (30, 45 dan 60 darjah)

3.3 Isu-Isu Semasa

- i. Pengamatan di kawasan pusat bandar besar menunjukkan berlakunya keadaan lebih penawaran tempat letak kereta yang disediakan berdasarkan piawaian semasa, khususnya berkaitan dengan gunatanah perniagaan;
- ii. Kesukaran mendapatkan petak letak kereta sebenarnya disebabkan lebih tempat letak kereta sehingga menggalakkan kemasukan kenderaan secara berlebihan ke kawasan pusat bandar dan mengakibatkan pelbagai masalah kesesakan trafik, kesukaran mencari petak kereta dan penurunan kualiti persekitaran bandar;
- iii. Piawaian perancangan tempat letak kereta sedia ada telah memberikan ruang fleksibiliti kepada Pihak Berkuasa Tempatan tetapi tidak menggariskan panduan yang jelas dari segi interpretasi pihak perancangan berkenaan dalam memperincikan piawaian tersebut mengikut ciri-ciri khusus tempatan;
- iv. Piawaian sedia ada didapati tidak mempertimbangkan penggunaan pengangkutan awam dalam bandar dan tidak diorientasikan ke arah menggalakkan penggunaan pengangkutan awam;
- v. Keadaan semasa menunjukkan tidak wujud pengurusan dan penyelarasan tempat letak kereta sedia ada mahu pun yang sedang dirancang. Salah satu faktor kekurangan tempat letak kereta di bandar ialah susunatur petak kenderaan yang tidak optimum, misalnya tiada percampuran petak kenderaan yang pelbagai saiz, perletakan petak kenderaan yang jauh dari destinasi dan susunatur petak yang tidak berkesan; dan
- vi. Pengurusan penggunaan petak kenderaan yang tidak berkesan, khususnya dari segi keperluan rekabentuk yang berbeza dalam penggunaan petak kenderaan jangka pendek dan jangka panjang serta dari segi kekerapan sesuatu petak kenderaan digunakan. Ini menyebabkan sesetengah kemudahan letak kenderaan mengalami kesesakan yang serius manakala kemudahan letak kenderaan lain mengalami kadar penggunaan yang jauh di bawah paras kapasiti.

4.0 PRINSIP PERANCANGAN

Perancangan tempat letak kereta hendaklah berasaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

4.1 Adil

Tempat letak kereta perlu disediakan bagi semua golongan tanpa halangan dari segi pergerakan.

4.2 Kemudahsampaian

Perancangan dari segi kemudahsampaian mestilah mengambilkira penggunaan ruang, rekabentuk bagi semua golongan.

4.3 Keselamatan dan Keselesaan

Tempat letak kereta yang dirancangan hendaklah direkabentuk dengan berasaskan faktor-faktor utama seperti keselesaan, dan keselamatan pergerakan pengguna.

4.4 Berkualiti dan Berkemampuan

Tempat letak kereta perlu disokong dengan komponen-komponen tanda arah yang baik, tempat pondok bayaran yang sesuai perletakannya dan hendaklah mampu mencerminkan kualiti yang baik bagi satu-satu tempat letak kereta.

4.5 Penjimatan dan Cepak

Perancangan dan rekabentuk perlu mengambil aspek penjimatan kos dan kecekapan teknologi, penggunaan yang optimum, kepelbagaian dan informatif.

5.0 DASAR PELAKSANAAN

5.1 Penyediaan Rancangan Tempat Letak Kereta Yang Komprehensif Di Peringkat Bandaran

- i. Setiap PBT perlu menyediakan rancangan tempat letak kereta yang komprehensif di peringkat bandaran (*'urban scale comprehensive parking plan'*) yang perlu diintegrasikan dalam Rancangan Tempatan masing-masing; dan
- ii. Rancangan tersebut adalah untuk 5 hingga 15 tahun dan perlu merangkumi peningkatan keperluan tempat letak kereta di pusat bandar berdasarkan pembangunan guna tanah, dan menentukan lokasi-lokasi berpotensi untuk penyediaan tempat letak kereta berpusat atau pinggir jalan.

5.2. Penentuan Had Maksimum Bilangan Tempat Letak Kereta

- i. PBT perlu menentukan had maksimum (*'absolute ceiling'*) bilangan tempat letak kereta dalam bandar; dan
- ii. Penentuan had maksimum harus berdasarkan kepada kapasiti semasa jalan-jalan *radial* yang menuju ke pusat bandar; rancangan masa depan pembinaan jalan peringkat bandaran; dan corak serta nisbah guna tanah bandar.

5.3. Perincian Penyediaan Tempat Letak Kereta Dalam Projek Pembangunan

- i. Setiap PBT mengarahkan pemaju membentangkan perincian rancangan penyediaan tempat letak kereta mengikut piawaian dalam permohonan Kebenaran Merancang (KM) bagi sesuatu projek pembangunan;
- ii. Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) yang dikemukakan untuk mendapatkan KM perlu menggariskan dengan jelas kuantum setiap komponen pembangunan iaitu:
 - Jangkaan jumlah keperluan tempat letak kereta;
 - Bilangan petak letak kereta yang akan disediakan;
 - Jenis struktur tempat letak kereta (berserta pelan susunatur); dan
 - Cara kutipan bayarannya.
- iii. LCP juga perlu menyatakan dengan jelas usaha pemaju memenuhi keperluan tempat letak kereta yang dijangka dijanakan oleh pembangunan dan disertakan dengan pengiraan berkenaan. Sekiranya pemaju tidak berupaya menyediakan tempat letak kereta seperti yang dikehendaki dalam pemajuannya, rasional dan justifikasi yang kukuh perlu dikemukakan dalam LCP bagi dipertimbangkan oleh PBT; dan
- iv. Pemaju juga perlu menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan tempat letak kereta tersebut, sama ada dengan membayar bayaran pembangunan, menyumbang kepada penyediaan tempat letak kereta berpusat atau menyumbang kepada peningkatan pengangkutan awam bandar.

5.4 Syarat Berkaitan Kemudahan Letak Kenderaan Dalam Pengeluaran Sijil Kelayakan Mendiami (CFO)

- i. PBT perlu mengenakan syarat ketat berkaitan kemudahan letak kereta, khususnya berkaitan tempat letak kereta bertingkat dalam pengeluaran Sijil Kelayakan Mendiami atau *Certificate of Fitness for Occupation*; (CFO) sesebuah bangunan; dan
- ii. Selain daripada pelbagai keperluan lazim pemeriksaan bangunan. PBT perlu memastikan tempat letak kereta yang disediakan mempunyai ruang dalaman yang direkabentuk dengan baik seperti:
 - Mempamerkan rangka struktur yang kemas dan bersih;
 - Menggunakan sistem mekanikal dan elektrik yang berkualiti;
 - Mewujudkan tatatur dan 'signage' yang memberikan orientasi pergerakan yang jelas kepada pengguna;

- Menyediakan ciri-ciri '*natural security*' (pencahayaan mencukupi dan tiada sudut-sudut tersorok serta mempunyai pandangan terbuka); dan
- Dilengkapi dengan sistem pemantauan yang maksimum ('*maximum surveillance system*').

5.5 Penyediaan Tempat Letak Kereta Berkongsi

- PBT perlu menggalakkan pelaksanaan projek pembangunan bercampur atau bersepadu yang mengelompokkan tiga atau lebih guna tanah dan aktiviti perniagaan yang berbeza dalam sebuah bangunan/kompleks yang sama, terutamanya dalam pusat bandar; dan
- Gunatanah/aktiviti yang dipilih dalam pembangunan bercampur perlu mempunyai masa penjanaan dan permintaan puncak ('*peak demand*') terhadap tempat letak kereta yang berbeza.

5.6 Konsep Tempat Letak Kereta Gunasama ('*Joint Use Parking*')

- Jarak pembangunan-pembangunan yang berasingan tidak melebihi 400 meter (1320 kaki); dan
- Pembangunan hendaklah mempunyai masa puncak penggunaan tempat letak kereta yang tidak berkonflik.

5.7 Pengenal Skim '*Parking Impression*'

- PBT perlu meningkatkan bilangan tempat letak kereta dalam ruang letak kereta sediaada '*parking impression*' supaya mampu menambahkan kereta sebanyak 30% - 60% kepada bilangan asal tanpa melibatkan tanah tambahan '*parking Impression*'; dan
- Tapak letak kereta yang dipilih untuk skim '*parking Impression*' perlu memenuhi faktor-faktor ini:-
 - Ciri dan reka bentuk tempat letak kereta mengikut kategori pengguna sesuatu petak kenderaan;
 - Kekerapan penggunaan petak kereta oleh pengguna; dan
 - Ciri-ciri fizikal dan persekitaran sesuatu petak kenderaan susunatur petak kereta (*parallel* 30°, 45° dan 60° sudut tepat) disekitar dan jenis laluan tegak (sehalu, dua hala), kecerunan lantai sesuatu petak kereta, perletakan petak berkait dengan elemen persekitaran kualiti permukaan petak mempunyai kesan ke atas kemudahan meletak kereta.

5.8 Dasar Bayaran Tempat Letak Kereta

- PBT perlu menghadkan penggunaan tempat letak kereta di kawasan pusat bandar, terutamanya mengurangkan kegiatan letak kereta jangka panjang;

- ii. PBT perlu mengenakan kadar bayaran letak kereta yang lebih tinggi di kawasan pusat bandar;
- iii. Struktur kadar bayaran letak kereta perlu mempamerkan penurunan secara beransur-ansur dari pusat bandar ke luar pusat bandar; dan
- iv. Dasar bayaran tempat letak kereta ditetapkan dengan jelas mengikut zon-zon dalam bandar.

6.0 GARIS PANDUAN UMUM

6.1 Pengelasan Piawaian Mengikut Saiz Penduduk Bandar

Keperluan dan penggunaan tempat letak kereta bergantung kepada jenis, skala dan tumpuan aktiviti serta jumlah penduduk bandar. Pengelasan piawaian tempat letak kereta mengikut 7 hierarki bandar mengikut Jadual 6.1.1 iaitu:

- i. Ibu Negara atau Ibu Negeri dari saiz penduduk melebihi 1 juta orang;
- ii. Bandar-bandar metropolitan yang merupakan Pusat Wilayah Negara (penduduk antara 300,000 – 1 juta orang);
- iii. Bandar-bandar besar lain sebagai Pusat Wilayah Negeri (penduduk antara 100,000 – 300,000 orang); dan
- iv. Petempatan lain pada peringkat tempatan (penduduk kurang daripada 100,000 orang).

6.2 Piawaian Berdasarkan 'Modal Split' Perjalanan Bandar

Piawaian penyediaan Tempat Letak Kenderaan bagi beberapa jenis gunatanah hendaklah ditentukan berdasarkan beberapa nilai '*modal split*' mod pengangkutan persendirian kepada bilangan perjalanan menggunakan mod pengangkutan awam.

7.0 GARIS PANDUAN KHUSUS

7.1 Garis Panduan Tempat Letak Kereta Perumahan

- i. **Tempat Letak Kenderaan Berat Di Kawasan Perumahan Kos Rendah (Termasuk Lori, Treler, Bas dan Jentera Berat)**
 - a. Tempat letak kereta dalam kawasan perumahan disediakan untuk penduduk setempat dengan tambahan kegunaan pengunjung mengikut kadar pemilikan kereta seunit kediaman;
 - b. Petak kenderaan berat (bas, lori treler dan jentera berat) perlu disediakan secara berpusat pada kadar 1 petak bagi setiap 25 unit kediaman;

Jadual 6.1.1 : Pengkelasan Piawaian Tempat Letak Kereta Mengikut Fungsi Hirarki Dan Saiz Penduduk Bandar

Bil	Hirarki Bandar	Taraf Fungsi	Saiz Penduduk	Pengkelasan untuk Piawaian TLK	Contoh Bandar
1	Ibu Negara	Pusat Utama	> 1 juta	> 1 juta	Kuala Lumpur
2	Pusat Wilayah Negara	Pusat Utama	300,000 – 1 juta	300,000 – 1 juta	Johor Bahru Pulau Pinang Klang Ipoh
3	Pusat Wilayah Negeri	Perantaraan	100,000 – 300,000	100,000 – 300,000	Alor Setar Shah Alam Seremban Melaka Kota Bahru Kuantan Kuala T'ganu Segamat Kulim Alor Gajah dll.
4	Pusat Separa Wilayah Negeri	Perantaraan	30,000 – 100,000	< 100,000	Kangar Yan Sik Bagan Serai Taiping Rawang Banting Tampin Mersing Jerantut Marang Cukai Machang Grik dll.
5	Pusat Petempatan Utama	Tempatan	10,000 – 30,000		
6	Pusat Petempatan Kecil	Tempatan	< 10,000		
7	Pusat Pertumbuhan Desa	Tempatan	2,500 – 5,000 (dalam kawasan tadahan)		



Sumber : *Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999*

- c. Petak kenderaan berat berpusat perlu diletakkan dalam jarak tidak lebih 250 meter (825 kaki) (5 minit berjalan kaki), mempunyai laluan masuk terus ke suatu jalan pengumpul 20.0m (60 kaki) atau jalan pengagih 30.0m (100 kaki); dan perlu disediakan dengan landskap lembut untuk tujuan 'screening' dan teduhan, serta pencahayaan yang mencukupi; dan
- d. Petak kenderaan berat yang disediakan perlu berukuran 3.7m x 15.0m (55.5m²) (12 kaki x 50 kaki) dan perlu memasukkan ruang pusingan yang mencukupi.


Rajah 7.1.1 : Contoh Penyediaan Tempat Letak Kereta Di Kawasan Perumahan



Contoh Keadaan Sebenar Tempat Letak Kenderaan Pinggir Jalan di Depan Unit Kediaman di Luar Negeri




Contoh Konsep Penyediaan Tempat Letak Kenderaan di Pinggir Jalan Kawasan Perumahan



Sumber: *Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999*

- ii. **Pembangunan Perumahan Yang Berhadapan Dengan Jalan Tempatan, Jalan Susur Atau Jalan 'Cul-De-Sac'**
- Petak kenderaan pinggir jalan boleh disediakan secara terhad dalam rezab jalan untuk pengunjung;
 - Petak kereta pinggir jalan perlu berturap, ditandakan dengan jelas, tidak menghalang pergerakan keluar/masuk kenderaan unit kediaman, dan disediakan tidak kurang daripada 10.0m (33 kaki) dari sesuatu simpang jalan; dan
 - Petak kenderaan di pinggir jalan di kawasan kediaman perlu disertakan dengan skim tenang trafik ('*traffic calming*').
- iii. **Garis panduan tempat letak kereta berdasarkan 'modal split' (Kondominium atau Apartment Mewah - Bandar Melebihi 1 Juta Penduduk)**
- Mengambil kira tahap keperluan tempat letak kereta yang berbeza berdasarkan beberapa nilai 'modal split' sebagai panduan kepada PBT dalam merancang penyediaan tempat letak kereta, seperti digambarkan dalam Rajah 7.1.1 dan 7.1.2.

Rajah 7.1.2 : Garis Panduan Tempat Letak Kereta Dalam Pembangunan Kondominium




- * Tambahan 20% petak kereta untuk pelawat perlu disediakan
- * Andaian *vehicle occupancy rate* = 1.5 penumpang / kereta
- * Andaian jarak maksimum ke perhentian bas = 150m (500 kaki)

Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

- iv. **Penyediaan tempat letak kereta dalam pembangunan kondominium secara mekanikal**
- Untuk mengatasi masalah kekurangan tanah, kos tanah dan pembinaan tempat letak kereta bertingkat yang sangat tinggi, tempat letak kereta dalam pembangunan kondominium boleh disediakan dalam dua bentuk iaitu secara bertingkat atau aras tanah dan mekanikal; dan
 - Pemaju boleh menyediakan 50% tempat letak kereta secara bertingkat atau aras tanah dan 50% lagi secara mekanikal. Dengan ini, masalah tanah terhad dan kos pembinaan yang tinggi bagi menyediakan tempat letak kereta dapat diluangkan.
- v. **Garis Panduan tempat letak kereta berdasarkan 'modal split' (Kondominium atau Apartment Mewah - Bandar 300 ribu hingga 1 Juta Penduduk)**
- Garis panduan tempat letak kereta yang berbeza berdasarkan beberapa nilai 'modal split' adalah seperti dalam Rajah 7.1.3.

Rajah 7.1.3 : Garis Panduan Tempat Letak Kenderaan Dalam Pembangunan Kondominium (Bandar 300 Ribu Hingga 1 Juta Penduduk dan Bandar 100 Ribu Hingga 300 Ribu Penduduk)




- * Tambahan 20% petak kereta untuk pelawat perlu disediakan
- * Andaian *vehicle occupancy rate* = 1.5 penumpang / kereta
- * Andaian jarak maksimum ke perhentian bas = 150m (500 kaki)

Sumber : *Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999*

- vi. **Garis Panduan tempat letak kereta berdasarkan 'modal split' (Kondominium atau Apartment Mewah - Bandar 100 ribu hingga 300 ribu Penduduk)**
 - a. Garis Panduan tempat letak kereta yang berbeza berdasarkan beberapa nilai *modal split* adalah seperti dalam Rajah 7.1.3.
- vii. **Garis Panduan tempat letak kereta berdasarkan *modal split* (Apartment Kos Sederhana - Bandar Melebihi 1 Juta Penduduk)**
 - a. Garis Panduan tempat letak kereta berdasarkan *modal split* adalah seperti dalam Rajah 7.1.4.

Rajah 7.1.4 : Garis Panduan Tempat Letak Kereta Dalam Pembangunan Apartment Kos Sederhana (Bandar Melebihi 1 Juta Penduduk)



- * Tambahan 20% petak kereta untuk pelawat perlu disediakan
- * Andaian *vehicle occupancy rate* = 1.5 penumpang / kereta
- * Andaian jarak maksimum ke perhentian bas = 150m (500 kaki)


Sumber: Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

- viii. **Garis Panduan tempat letak kereta berdasarkan *modal split* (Apartment Kos Sederhana - Bandar 300 ribu hingga 1 Juta Penduduk)**
 - a. Garis Panduan tempat letak kereta berdasarkan *modal split* adalah seperti dalam Rajah 7.1.5.

ix. **Garis Panduan tempat letak kereta berdasarkan *modal split* (Apartment Kos Sederhana - Bandar 100 ribu hingga 300 ribu Penduduk)**

- a. Garis Panduan tempat letak kereta berdasarkan *modal split* adalah seperti dalam Rajah 7.1.5.

Rajah 7.1.5 : Garis Panduan Tempat Letak Kereta Dalam Pembangunan Apartment Kos Sederhana (Bandar 300 Ribu Hingga 1 Juta Penduduk Dan Bandar 100 Ribu Hingga 300 Ribu)




- * Tambahan 20% petak kereta untuk pelawat perlu disediakan
- * Andaian *vehicle occupancy rate* = 1.5 penumpang / kereta
- * Andaian jarak maksimum ke perhentian bas = 150m (500 kaki)

Sumber : *Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999*

x. **Garis Panduan tempat letak kereta berdasarkan *modal split* (Apartment Kos Rendah – Semua Bandar)**

- a. Keperluan tempat letak kereta berdasarkan model split adalah seperti dalam Rajah 7.1.6.

Rajah 7.1.6 : Garis Panduan Tempat Letak Kereta Dalam Pembangunan Apartment Kos Rendah (Semua Bandar)



- * Tambahan 10% petak kereta untuk pelawat perlu disediakan
- * Andaian *vehicle occupancy rate* = 1.5 penumpang / kereta
- * Andaian jarak maksimum ke perhentian bas = 150m (500 kaki)
- * Tambahan 1 petak motosikal / 2 unit kediaman

Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

7.2 Piawaian Tempat Letak Kereta Perumahan

Piawaian tempat letak kereta di kawasan perumahan adalah seperti di Jadual 7.2.1 - 7.2.3

**Jadual 7.2.1 : Piawaian Tempat Letak Kereta Untuk Gunatanah Perumahan
(Bandar > 1 Juta Penduduk)**

Jenis Perumahan	Umum	Modal Split			
		50:50	60:40	70:30	80:20
Rumah Sesebuah	2.5/1 Unit Kediaman	-	-	-	-
Rumah Berkembar	2.5	-	-	-	-
Rumah Teres	1	-	-	-	-
Rumah Teres Kos Rendah	1	-	-	-	-
Town House	2/1 Unit kedai atau dalam kelompok jarak 50 meter	-	-	-	-
Kondominium / Apartment Mewah	a. 2.5 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 10% untuk motosikal	a. 1.5 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 10% untuk motosikal	a. 1.8 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 10% untuk motosikal	a. 2.2 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 10% untuk motosikal	a. 2.5 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 10% untuk motosikal
Apartment Kos Sederhana	a. 2 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 20% petak motosikal	a. 1.2 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 20% untuk pelawat c. Tambahan 20% petak motosikal	a. 1.5 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 20% untuk pelawat c. Tambahan 20% petak motosikal	a. 1.8 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 20% untuk pelawat c. Tambahan 20% petak motosikal	a. 2 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 20% untuk pelawat c. Tambahan 20% petak motosikal
Apartment Kos Rendah (Semua Bandar)	a. 1 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 1 petak motosikal/2 unit kediaman	a. 0.4 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 1 petak motosikal/2 unit kediaman	a. 0.6 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 1 petak motosikal/2 unit kediaman	a. 0.8 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 1 petak motosikal/2 unit kediaman	a. 1 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 1 petak motosikal/2 unit kediaman

Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

**Jadual 7.2.2 : Piawai Tempat Letak Kereta Bagi Gunatanah Perumahan
(Bandar 300,000 - 1 Juta Penduduk)**

Jenis Perumahan	Umum	Modal Split			
		50:50	60:40	70:30	80:20
Rumah Sesebuah	2 petak/1 unit kediaman	-	-	-	-
Rumah Berkembar	2 petak/ 1 unit kediaman	-	-	-	-
Rumah Teres	1 petak	-	-	-	-
Rumah Teres Kos Rendah	1 petak	-	-	-	-
Town House	1.5 petak/1 unit kediaman	-	-	-	-
Kondominium / Apartment Mewah	a. 2 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 10% petak motosikal	a. 1.2 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 20% untuk pelawat c. Tambahan 10% petak motosikal	a. 1.5 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 20% untuk pelawat c. Tambahan 10% petak motosikal	a. 1.8 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 20% untuk pelawat c. Tambahan 10% petak motosikal	a. 2 petak/1 unit kediaman b. Tambahan 20% untuk pelawat c. Tambahan 10% petak motosikal
Apartment Kos Sederhana	a. 1.5 petak/ 1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 20% petak motosikal	a. 0.8 petak/ 1 unit kediaman b. Tambahan 20% untuk pelawat c. Tambahan 20% petak motosikal	a. 1 petak/ 1 unit kediaman b. Tambahan 20% untuk pelawat	a. 1.3 petak/ 1 unit kediaman b. Tambahan 20% untuk pelawat	a. 1.5 petak/ 1 unit kediaman b. Tambahan 20% untuk pelawat
Apartment Kos Rendah (Semua Bandar)	a. 1 petak/ 1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 1 petak motosikal/ 2 unit kediaman	a. 0.4 petak/ 1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 1 petak motosikal/2 unit kediaman	a. 0.6 petak/ 1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 1 petak motosikal/2 unit kediaman	a. 0.8 petak/ 1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. Tambahan 1 petak motosikal/ 2 unit kediaman	a. 1 petak/ 1 unit kediaman b. Tambahan 10% untuk pelawat c. tambahan 1 petak motosikal/ 2 unit kediaman

Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

**Jadual 7.2.3 : Piawai Tempat Letak Kereta Bagi Gunatanah Perumahan
Untuk tempat letak kereta di '*cul-de-sac*', dicadangkan agar hanya tempat letak kereta jenis bersudut tepat (bersudut 90 darjah) sahaja dibenarkan. Ia bagi mengelakkan kesukaran kepada pemandu untuk menggerakkan kereta semasa keluar. Rajah 8.4.10 menunjukkan dimensi yang diperlukan bagi tempat letak kereta di '*cul-de-sac*'.

iv. Laluan Keluar-Masuk

Laluan keluar-masuk perlu diambil kira kerana ia mempengaruhi kelancaran pergerakan kereta ketika masuk dan keluar daripada tempat letak kereta tersebut. Terdapat 3 jenis kaedah bayaran tempat letak kereta yang turut mempengaruhi jenis laluan keluar-masuk. Ia adalah seperti berikut:

Rajah 8.4.10 : Dimensi Tempat Letak Kenderaan Di 'Cul-De-Sac'



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

Bayar Ketika Masuk (*Pay-On-Entry/Free-Exit*)

- Laluan jenis ini memerlukan pembayaran yang tetap untuk setiap kali menggunakan tempat letak kereta dan dibayar kepada juruwang ketika memasuki kawasan tempat letak kereta; dan
- Laluan jenis ini boleh digunakan di kawasan aktiviti khas (*special event*) dan juga '*all day parking*'. Umumnya memerlukan tambahan kawasan untuk laluan masuk bagi mengelakkan kesesakan kerana jujukan kereta ketika masuk.

Bayar Ketika Keluar (*Pay-On-Exit/Free-Entry*)

- Laluan keluar masuk jenis ini memerlukan bayaran berkadar tetap mengikut masa dan dilaksanakan di kawasan tempat letak kereta bertingkat atau bawah bangunan. Pengguna mengambil tiket ketika masuk dan akan membayar bayaran tempat letak kereta mengikut jangka masa letak kereta mengikut kadar yang ditetapkan; dan
- Sistem bayaran jenis ini memerlukan tambahan laluan bagi laluan masuk dan keluar bagi mengelakkan berlaku kesesakan ketika mengambil dan membayar tiket.

Bayar Sebelum Keluar (*Pay-Before-Exit/Free-Entry*)

- Jenis ini digunakan di kawasan pusat membeli-belah di mana pengguna akan membayar tiket sebelum mengeluarkan kereta masing-masing dari tempat letak kereta. Ketika keluar, pengguna hanya perlu menunjukkan


resit bayaran atau memasukkan resit ke dalam mesin pemeriksa sebelum keluar. Cara ini adalah lebih berkesan di mana tambahan laluan tidak diperlukan serta mempercepatkan pergerakan pengguna. Jadual 8.4.1 menunjukkan jumlah aliran pergerakan kereta bagi laluan masuk dan keluar di mana ianya banyak mempengaruhi penyediaan laluan keluar masuk;

Jadual 8.4.1 : Aliran Masuk Kereta Berdasarkan Kepada Jenis Laluan Keluar Masuk Tempat Letak Kereta

Keadaan Operasi	Aliran Kereta Maksimum (Kereta/Jam)
Laluan masuk	
Selekoh kanan sebelum mengambil tiket	350-450+
Laluan lurus sebelum mengambil tiket	650-670+
Selekoh kanan sebelum keluar (tiada tiket)	575-970
Laluan keluar	
Bayaran berubah-ubah	180-200
Bayaran tetap	270

Sumber : *Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999*

Rajah 8.4.11 : Lokasi Pintu Masuk Dan Keluar Daripada Tempat Letak Kereta



Sumber : *Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999*


- Jumlah laluan keluar dan masuk adalah berdasarkan kepada jumlah tempat letak kereta yang disediakan. Setiap 300 hingga 500 tempat letak kenderaan yang disediakan memerlukan satu laluan masuk;
 - Sekiranya jumlah tempat letak kereta melebihi 500 petak, laluan masuk tambahan perlu diletakkan di jalan yang berlainan. Bagi laluan keluar satu pula laluan keluar diperlukan bagi setiap 200 hingga 250 petak;
 - Penyediaan laluan keluar perlu diletakkan pada jarak yang sesuai dengan mengelakkan daripada persimpangan yang sibuk; dan
 - Pemilihan lokasi bagi penyediaan laluan masuk juga perlu diambil kira. Lokasi yang paling sesuai adalah di sebelah kiri jalan di mana kenderaan dalam arah selari dengan aliran trafik akan membuat belokan kiri untuk masuk ke tempat letak kenderaan tersebut.
- v. **Jarak Antara Dinding Dan Antara 'Interlocking'**
- Jarak di antara satu dinding bangunan dengan bangunan lain perlu diberi perhatian dan dijadikan sebagai garis panduan dalam penyediaan tempat letak kereta. Ini adalah bagi memberi ruang yang mencukupi untuk tujuan laluan serta baris tempat letak kereta yang akan disediakan; dan
 - Jarak di antara 'interlocking' juga perlu selaras dan kelebarannya adalah berbeza-beza bergantung kepada jenis tempat letak kereta yang disediakan sama ada bersudut 45, 60, 75 atau 90 darjah. Jadual 8.4.2 dan Rajah 8.4.12 menunjukkan jarak di antara dinding serta 'interlocking'.

Jadual 8.4.2 : Jarak Yang Diperlukan Di Antara Dinding Dan Antara 'Interlocking'

<i>Sudut tempat letak kenderaan</i>	<i>Lebar tempat letak kenderaan (meter)</i>	<i>(A) Jarak antara dinding (meter)</i>	<i>(B) Jarak antara interlocking (meter)</i>
45 darjah	2.5-3.1	14.5-16.0	13.0-13.5
60 darjah	2.5-2.9	17.5-18.5	16.0-17.0
	2.9-3.1	16.5-17.5	15.5-16.5
75 darjah	2.5-2.9	18.0-19.0	17.0-17.5
	2.9-3.1	18.0-18.5	16.5-17.0
90 darjah	2.5-2.7	19.0-20.0	19.0-20.0
	2.7-3.0	19.0-19.5	19.0-19.5

Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

Rajah 8.4.12 : Jarak Antara Dinding dan Antara 'Interlocking'



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

vi. Kelebaran Kawasan Tempat Letak Kereta


Luas kawasan tempat letak kereta adalah berbeza-beza berdasarkan kepada beberapa faktor antaranya jumlah baris tempat letak kereta yang disediakan dan jumlah laluan di antara tempat letak kereta. Rajah 8.4.13 menunjukkan cadangan kelebaran tempat letak kereta berdasarkan jumlah baris dan laluan yang disediakan. Manakala jadual 8.4.3 menunjukkan dengan terperinci jumlah kelebaran yang perlu disediakan berdasarkan jumlah baris dan jenis laluan.

Jadual 8.4.13 : Tempat Letak Kereta Berdasarkan Jumlah Baris Dan Laluan Yang Disediakan

Sudut Tempat Letak Kenderaan	Jenis laluan	Minimum lebar laluan (m)	1 baris & 1 laluan (m)	2 baris & 1 laluan (m)	3 baris & 1 laluan (m)	4 baris & 2 laluan (m)
30 darjah	Sehala	3.7	9.0	13.0	16.0	24.0
	Dua hala	6.0	11.0	15.5	18.5	29.0
45 darjah	Sehala	4.0	10.0	15.5	19.0	28.5
	Dua hala	6.5	12.5	17.5	21.5	32.5
60 darjah	Sehala	5.0	11.0	17.0	21.0	31.5
	Dua hala	6.5	13.0	17.5	23.0	35.5
90 darjah	Sehala	6.0	11.0	16.0	21.0	32.0
	Dua hala	7.5	12.5	17.5	22.0	34.5

Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

Rajah 8.4.13 : Kelebaran Kawasan Tempat Letak Kereta Mengikut Jumlah Baris Yang Disediakan



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

vii. **Bebendul (Curb) Tempat Letak Kereta**

Bebendul (curb) merupakan satu elemen yang penting dalam penyediaan tempat letak kereta. Rajah 8.4.14 menunjukkan perbezaan di antara jenis-jenis tempat letak kereta dari segi ukuran. Penyediaan bebendul adalah berbeza bagi setiap jenis tempat letak kereta. Setiap jenis tempat letak kereta mempunyai potongan jejari (*radius*) yang berbeza di mana bagi jenis selari ianya mempunyai jejari 9.2 meter dan jenis '*perpendicular*' mempunyai jejari 4.5 meter (Rajah 8.4.15).


viii. **Pencahayaan**

Aspek pencahayaan turut memainkan peranan dalam penyediaan tempat letak kereta terutama bagi tempat letak kereta bertingkat dan bawah bangunan. Ini kerana ia mempengaruhi ciri-ciri keselamatan, kebersihan dan kecerahan kawasan tersebut. Terdapat tiga ciri yang perlu diambil kira dalam menyediakan cahaya yang mencukupi di kawasan tempat letak kereta iaitu kecerahan, warna dan silau.

- **Kecerahan**


Bagi kawasan tempat letak kereta bertingkat dan bawah bangunan, lampu yang disediakan seharusnya mempunyai tahap kecerahan yang mampu untuk menerangi kawasan tersebut. Sekiranya tempat letak kereta berada dalam keadaan gelap, ia menggalakkan berlaku kegiatan kurang sihat dan jenayah.

Rajah 8.4.14 : Ukuran Yang Diambilkira Dalam Menentukan Panjang Bebendul (Curb Length)



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999


Rajah 8.4.15 : Ukuran Jejari Bebendul Bagi Setiap Jenis Tempat Letak Kereta



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

Jenis lampu yang disediakan hendaklah boleh menerangi keseluruhan kawasan tempat letak kereta. Rajah 8.4.16 menunjukkan jarak yang perlu disediakan bagi setiap lampu dan kawasan liputan bagi setiap lampu.

Rajah 8.4.16 : Liputan Cahaya Lampu Yang Perlu Disediakan Di Kawasan Tempat Letak Kereta



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

- **Warna**

Warna cahaya lampu juga adalah salah satu ciri yang perlu diambil kira dalam menentukan bentuk pencahayaan yang perlu disediakan. Warna cahaya yang tertentu dapat memberi kesan keselamatan kepada pengguna kenderaan atau sebaliknya. Cahaya yang berwarna cerah digalakkan digunakan di kawasan tempat letak kereta bertingkat terutama bawah bangunan.

- **Silau**

Tahap kesilauan lampu juga perlu diambil kira kerana ia memberi kesan kepada pengguna ketika meletakkan kereta atau semasa melalui lorong di kawasan tersebut.

Perletakan lampu perlu mengatasi dua jenis kesilauan yang biasa terjadi di kawasan tempat letak kereta. Pertama kesilauan secara langsung (*direct glare*) dan kedua ialah kesilauan terpantul (*a reflected glare*). Bagi kesilauan langsung (*direct glare*), ia berlaku apabila silau lampu tersebut terus ke arah mata pengguna tanpa halangan. Manakala bagi kesilauan terpantul (*reflected glare*) pula berlaku hasil daripada pantulan silau lampu terhadap permukaan yang berkilat yang seterusnya memantulkan cahaya ke arah pengguna.

Tahap kesilauan lampu perlu dikurangkan untuk keselesaan pengguna dengan menggunakan sistem atau alat yang dapat mengurangkan tahap kesilauan lampu.

x. **Landskap Bagi Kawasan Tempat Letak Kereta**

- **Landskap kejur**

Penyediaan landskap lembut berupa pokok, penyediaan landskap kejur seperti papan tanda penunjuk arah, papan tanda amaran dan arahan seperti tempat letak kereta bagi golongan kurang upaya dan sebagainya perlu disediakan.

Bentuk dan saiz bagi papan tanda adalah sama sebagaimana yang telah ditetapkan.

- **Papan tanda**

Penyediaan papan tanda perlu kerana ia merupakan salah satu elemen di dalam pembangunan kemudahan tempat letak kereta (*Smith.M.S,1996*). Ia penting sebagai peringatan dan hendaklah mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- a. Jenis tulisan yang digunakan hendaklah senang dibaca;
- b. Perletakan papan tanda hendaklah mudah dilihat dari semua arah;
- c. Warna papan tanda; dan
- d. Ukuran papan tanda.

- **Perletakan papan tanda hendaklah mudah dilihat dari semua arah dan menggunakan tulisan yang mudah dibaca**

Perletakan papan tanda perlu diambilkira di dalam kawasan tempat letak kereta sama ada bagi tempat letak kereta pinggir jalan atau bermedan. Rajah 8.4.17 menunjukkan jarak yang diperlukan dalam menyediakan papan tanda tersebut.


Bagi tempat letak kereta di dalam bangunan, perletakan papan tanda perlu diletakkan di laluan masuk ke tempat letak kereta serta 250 meter daripada laluan masuk tersebut.

Bagi tempat letak kereta pinggir jalan pula, papan tanda tersebut perlu diletakkan berhampiran dengan kawasan tempat letak kereta tersebut.

- **Warna papan tanda**

Warna merupakan di antara ciri-ciri utama yang diambil kira dalam menyediakan papan tanda. Warna latar belakang sesebuah bangunan mempengaruhi warna papan tanda yang akan disediakan. Warna yang digunakan bagi papan tanda adalah hitam dan putih memandangkan kedua-duanya adalah paling mudah dipadankan dengan semua jenis warna latar belakang bangunan.

Rajah 8.4.17 : Jarak Yang Diperlukan Bagi Menyediakan Papan Tanda Di Dalam Kawasan Tempat Letak Kereta Bertingkat Dan Bawah Bangunan



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

Warna papan tanda yang sesuai juga perlu digunakan bagi tempat letak kereta bertingkat untuk membezakan antara satu tingkat dengan tingkat yang lain. Enam warna yang mudah diingati oleh pengguna, selain hitam dan putih ialah merah, kuning, hijau, biru, oren dan kelabu.

- **Landskap lembut**

Landskap diperlukan di kawasan tempat letak kereta untuk mencantikkan kawasan tersebut selain berfungsi sebagai teduhan dan zon pemisah di antara satu bahagian dengan yang lain.

Biasanya landskap lembut adalah pokok-pokok teduhan dan digunakan di kawasan tempat letak kereta terbuka. Antara jenis pokok yang dicadangkan untuk tujuan landskap di kawasan tempat letak kereta adalah seperti di Jadual 8.4.4.

Bagi mewujudkan suatu identiti kepada kawasan tempat letak kereta, hanya satu atau dua jenis pokok sahaja ditanam di sekitar kawasan tempat letak kereta. Dengan cara ini kawasan tersebut mempunyai identiti tersendiri serta menambah nilai estetika kawasan tersebut. Rajah 8.4.18 menunjukkan cadangan landskap bagi kawasan tempat letak kereta.


Elemen landskap lembut adalah amat penting khususnya kepada tempat letak kereta bertingkat dan mekanikal. Tempat letak kereta bertingkat dan mekanikal lazimnya merupakan struktur binaan yang besar tetapi pembinaanya kurang

Jadual 8.4.4 : Senarai Nama Pokok Yang Dicadangkan Di Kawasan Tempat Letak Kereta

Nama pokok	Nama saintifik	Jarak tanam	Ketinggian ketika matang
Angsana	<i>Pterocarpus indicus</i>	10-15m	24m
Hujan-hujan	<i>Enterobolium saman</i>	10-15m	24m
Saga	<i>Adenantha povonica</i>	10-12m	15m
Tamalan	<i>Delbergia</i>	10-15m	20m
Jambu laut	<i>Eugenia grandis</i>	10-15m	24m
Pokok kaya	<i>Khaya grandis</i>	10-15m	24m
Pokok pasai	<i>Milia azedarach</i>	10-12m	10m
Semarak api	<i>Delonix pterocarpum</i>	10-15m	18m

Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

Rajah 8.4.18 : Perletakan Landskap Dalam dan Anjakan Landskap Yang Diperlukan Di Dalam Kawasan Tempat Letak Kereta




Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

memberi perhatian kepada ciri-ciri nilai estetik rupa luaran. Tempat letak kereta bertingkat dan mekanikal sering dikaitkan dengan kesan negatif terhadap kualiti visual bandar. Kesan negatif ini dapat dielakkan dan penanaman elemen-elemen landskap lembut secara kreatif dalam pembangunan tempat letak kereta

bertingkat dan mekanikal yang seterusnya dapat meningkatkan kualiti visual bandar.

Penanaman elemen landskap lembut dalam tempat letak kereta bertingkat dan mekanikal memerlukan prinsip yang berbeza. Keadaan ruang (mendatar dan menegak) yang terhad, keselamatan pejalan kaki di aras jalan dan sebagainya perlu diambil kira untuk menentukan corak penanaman yang sesuai. Rajah 8.4.19 menunjukkan beberapa contoh prinsip penanaman pokok dan tumbuhan menjalar yang boleh diamalkan dalam tempat letak kereta bertingkat dan mekanikal.

Rajah 8.4.19 : Prinsip Penanaman Elemen Landskap Lembut Dalam Tempat Letak Kereta Bertingkat Dan Mekanikal



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

8.5 Tempat Letak Kereta Bagi Golongan Kurang Upaya

Piawaian keperluan ruang tempat letak kereta bagi golongan kurang upaya untuk semua jenis pembangunan adalah seperti Jadual 8.5.1.

8.5.1 Rekabentuk Tempat Letak Kereta

Tempat letak kereta bagi golongan kurang upaya hendaklah disediakan di kawasan yang paling dekat dengan laluan keluar-masuk ke dalam bangunan. Ruang di antara tempat letak kereta dengan laluan keluar-masuk perlu mempunyai kelebaran yang mencukupi, termasuk untuk penggunaan kerusi roda. Rajah 8.5.1 menunjukkan contoh perletakan tempat letak kereta bagi golongan kurang upaya di dalam bangunan.


- i. Rekabentuk tempat letak kereta bagi golongan kurang upaya perlu disediakan dengan teliti. Ini bagi mengelakkan pembaziran kepada ruang yang disediakan;

Jadual 8.5.1 : Keperluan Tempat Letak Kereta Bagi Golongan Kurang Upaya

Jumlah Tempat Letak Kereta	Keperluan Tempat Letak Kereta Golongan Kurang Upaya Yang Perlu Disediakan
1-25	1
26-50	2
51-75	3
76-100	4
101-150	5
151-200	6
201-300	7
301-400	8
401-500	9
501-1000	2% daripada jumlah
Lebih 1000	20 tambahan 1 setiap 100 selepas 1000

Sumber : *Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999*

Rajah 8.5.1 : Contoh Perletakan Tempat Letak Kereta Bagi Golongan Kurang Upaya Di Sebuah Bangunan




Sumber : *Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999*

- ii. Luas tempat letak kereta yang sesuai adalah 5.0 meter panjang dan 3.8 meter lebar termasuk 0.8 meter untuk laluan kerusi roda;
- iii. Rajah 8.5.3 menunjukkan dimensi tempat letak kereta di garaj atau tempat khas di mana ia mempunyai keluasan yang lebih besar berbanding biasa, dimensi yang sesuai adalah 7.3 meter panjang dan 4.5 meter lebar;


- iv. *Ramp* juga harus disediakan di laluan yang mempunyai perubahan ketinggian. Tahap kecerunan yang dibenarkan adalah kurang daripada 8.3 peratus; dan
- v. Kelebaran minimum *ramp* hendaklah 1.0 meter dan panjang maksimum adalah 10.0 meter bagi memberi lebih keselesaan kepada golongan ini.

Rajah 8.5.2 : Dimensi Tempat Letak Kereta Bagi Golongan Kurang Upaya



Sumber : *Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999*

Rajah 8.5.3 : Dimensi Tempat Letak Kereta Golongan Kurang Upaya Di Dalam Garaj




Sumber : *Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999*

8.5.2 Penyediaan Tempat Letak Kereta Golongan Kurang Upaya

- i. Penyediaan untuk pembangunan baru, ianya adalah lebih mudah dengan mengikut piawaian yang ditetapkan dengan mengambil beberapa contoh lokasi yang dicadangkan sebagaimana Rajah 8.5.4; dan
- ii. Bagi penyediaan di kawasan tempat letak kereta sediada, boleh dilakukan dengan mengubah jenis tempat letak kereta daripada kegunaan kenderaan biasa kepada kegunaan kenderaan golongan kurang upaya dengan melebarkan saiz, di samping menyediakan laluan tertentu menuju ke kawasan pintu utama.


Rajah 8.5.5 menunjukkan contoh tempat letak kereta bagi golongan kurang upaya jenis '*dedicated bay*' sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyediakan tempat letak kereta berkenaan.

Rajah 8.5.4 : Rekabentuk Penyediaan Tempat Letak Kereta Bagi Golongan Kurang Upaya



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

Rajah 8.5.5 : Contoh 'Dedicated Bay' Bagi Golongan Kurang Upaya



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

8.6 Tempat Letak Lori Di Kawasan Industri/Gudang (Kawasan Punggah-Memungghah)

8.6.1 Dimensi Tempat Letak Lori


- i. Ukuran yang perlu disediakan bagi tempat letak lori ialah 3.7m x 15.0 m. Ukuran ini mengambil kira saiz lori yang biasa menggunakan tempat punggah memungghah terutamanya di kawasan industri;
- ii. Jenis tempat letak lori yang sesuai adalah bersudut 90, 60 dan 45 darjah. Tempat letak lori bersudut 30 darjah tidak digalakkan;
- iii. Ruang pusingan (*maneuvering area*) merupakan satu kriteria utama dalam penentuan dimensi tempat letak lori, kerana saiz lori yang panjang. Rajah 8.6.1 menunjukkan ruang yang diperlukan untuk memusingkan lori dalam menyediakan tempat letak lori di kawasan tempat memungghah. Rajah ini juga menunjukkan penyediaan tempat menunggu sekurang-kurangnya untuk dua buah lori, untuk mengelakkan berlaku kesesakan di dalam ruang memungghah; dan
- iv. Perincian terhadap tempat letak lori ini dapat dilihat dalam Jadual 8.6.1 yang menunjukkan dengan jelas jumlah keluasan kawasan yang diperlukan bagi penyediaan tempat letak lori meliputi kawasan memusing (*maneuvering area*) mengikut jenis-jenis lori.

9.0 GARIS PANDUAN KHAS

9.1 Garis Panduan Penyediaan Tempat Letak Beca

- i. Kawasan tempat letak beca perlulah ditempatkan di lokasi yang strategik dengan jarak tidak melebihi 50 meter dari tempat tumpuan dan dilengkapi dengan kemudahan sokongan yang diperlukan seperti elemen teduhan, landskap, tempat berehat.
- ii. Penyediaan Petak Beca Berkelompok Di Kawasan Tumpuan Aktiviti Bandar
 - a. Petak beca hendaklah disediakan secara berkelompok di kawasan-kawasan tumpuan aktiviti bandar di Pusat Bandar misalnya pasar, tempat beribadat, kawasan tumpuan membeli-belah, pusat tarikan pelancong, hotel, zon pemeliharaan bandar dan lokasi-lokasi strategik di sepanjang lorong beca;
 - b. Kelompok petak beca yang disediakan perlu mempunyai bilangan minimum 10 petak dengan dimensi setiap petak 2.8 m x 1.4 m (3.92m²); dan
 - c. Ruang tambahan untuk dua buah beca mengambil/menurunkan penumpang perlu disediakan untuk keselesaan penumpang.

Rajah 8.6.1 : Ruang Menunggu Yang Perlu Disediakan Di Kawasan Medan Tempat Letak Lori



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

Jadual 8.6.1 : Dimensi Tempat Letak Lori

Panjang lori (m)	Sudut tempat letak lori	Clearance (D) (m)	Kelebaran (W) (m)	Maneuvering (A) (m)	Panjang ruang diperlukan (T) (m)
15.24m (50')	90	15.24	3.0	19.0	34.5
			4.0	17.0	32.5
			4.5	16.0	31.0
	60	13.41	3.0	14.0	27.5
			4.0	12.0	25.5
			4.5	10.5	24.0
	45	10.97	3.0	11.5	22.5
			3.7	10.0	21.0
			4.3	9.0	20.0
16.76m (55')	90	16.76	3.0	23.5	40.0
			3.7	22.0	39.0
			4.3	20.5	37.0
	60	14.63	3.0	16.5	31.5
			3.7	21.5	30.0
			4.3	14.0	29.0
	45	13.41	3.0	14.0	26.0
			3.7	12.0	24.0
			4.3	11.5	23.0

Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

iii. Lokasi dan Rekabentuk Petak Beca

- a. Kelompok petak beca perlu ditempatkan di lokasi yang strategik dengan jarak tidak melebihi 50 meter dari suatu tumpuan aktiviti;
- b. Petak beca sesuai disediakan secara bersudut tepat kepada pinggir jalan dalam ruang hentian sebelah (*lay-by*) dengan ukuran lebar minimum 3.0 meter;
- c. Petak beca atas ruang jalan hanya dibenarkan di jalan tempatan /akses dengan syarat kelebaran laluan kenderaan (dua hala) selepas dimasukkan petak beca tidak kurang daripada 8.0 meter;
- d. Dalam keadaan ruang yang terhad, petak beca boleh disediakan dengan hentian yang mempunyai ukuran lebar 2.0 m x 0.8 m berada di atas ruang pejalan kaki, dengan syarat pergerakan pejalan kaki tidak terganggu;
- e. Petak beca sesuai disediakan secara bersudut 45° atau sudut tepat kepada pinggir jalan dalam ruang hentian sebelah (*lay-by*) dengan ukuran lebar minimum 2.0 m; dan

- f. Petak beca atas ruang jalan hanya dibenarkan di jalan tempatan /akses dengan syarat kelebaran laluan kenderaan (dua hala) selepas dimasukkan petak beca tidak kurang daripada 8.0 m.
- iv. Papan Tanda
- a. Tempat letak beca perlu disediakan di atas ruang berturap yang ditandakan dengan jelas arahan "BECA SAHAJA";
 - b. Papan tanda, elemen teduhan, landskap, tempat rehat penunggang beca dan elemen pencahayaan yang mencukupi perlu disediakan untuk waktu malam; dan
 - c. Petak beca seharusnya rata dengan kecerunan tidak melebihi 4 peratus.

9.2 Garis Panduan Penyediaan Tempat Letak Basikal


i. Penyediaan Petak Basikal Menggantikan Petak Kenderaan

- a. Bagi semua jenis pembangunan, 4 petak basikal boleh disediakan untuk menggantikan 1 petak kenderaan, dengan syarat tidak lebih daripada 5% jumlah petak kenderaan asal boleh digantikan;
- b. Tempat letak basikal yang disediakan perlu dilengkapi dengan turapan dan struktur yang kukuh (blok konkrit bergelang besi, rak dinding atau *steel hoop*) untuk basikal disandarkan dan dikunci padanya, dan perlu disusun secara teratur; dan
- c. Suatu petak basikal perlu mempunyai dimensi minimum 0.70 m x 1.80 m (1.25 m²) untuk memberikan jarak antara dua basikal bersebelahan yang selesa, iaitu kira-kira 0.65 m.

ii. Perletakan Tempat Letak Basikal

- a. Perletakan tempat letak basikal hendaklah tidak lebih daripada 20.0 meter dari sesuatu pembangunan dan tidak terlindung dari penglihatan orang awam bagi tujuan keselamatan. Ia perlu diasingkan daripada laluan kenderaan bermotor untuk mengelakkan penyalahgunaannya, khususnya untuk meletakkan motosikal; dan disediakan bersambungan dengan, tetapi di luar laluan pejalan kaki bagi mengelakkan konflik pergerakan di antara pejalan kaki dengan basikal (Rajah 9.2.1); dan
- b. Papan tanda dengan arahan "BASIKAL SAHAJA" perlu disediakan dengan jelas dan elemen teduhan, sama ada dalam bentuk lanskap kejur atau lembut, perlu disediakan dengan mencukupi.

Rajah 9.2.1 : Konsep Perletakan



Sumber : *Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999*

CONTOH PENGIRAAN BAGI PEMBANGUNAN BERCAMPUR**Pembangunan Dua Komponen Gunatanah (Penjimatan 20%)**

Komponen Pembangunan	Luas lantai (m ²)	Piawaian	TLK yang diperlukan mengikut piawaian secara berasingan	% penjimatan	TLK disediakan
Pejabat	80,000	1 petak / 125m ² ruang lantai	640	20%	512
Pusat Membeli-belah	60,000	1 petak / 100m ² ruang lantai	600	20%	480
Jumlah			1240		992

Pembangunan Tiga Komponen (Penjimatan 30%)

Komponen Pembangunan	Luas lantai (m ²)	Piawaian	TLK yang diperlukan mengikut piawaian secara berasingan	% penjimatan	TLK disediakan
Pejabat	80,000	1 petak / 125m ² ruang lantai	640	30%	448
Pusat Membeli-belah	60,000	1 petak / 100m ² ruang lantai	600	30%	420
Hotel	400 bilik	1 petak / 3 bilik; 75% untuk penggunaan lain yang berkaitan	233	30%	163
Jumlah			1473		1031

Pembangunan Lebih Daripada Tiga Komponen Gunatanah (Penjimatan 40%)

Komponen Pembangunan	Luas lantai (m ²)	Piawaian	TLK yang diperlukan mengikut piawaian secara berasingan	% penjimatan	TLK disediakan
Pejabat	80,000	1 petak / 125m ² ruang lantai	640	40%	384
Pusat Membeli-belah	60,000	1 petak / 100m ² ruang lantai	600	40%	360
Hotel	400 bilik	1 petak / 3 bilik; 75% untuk penggunaan lain yang berkaitan	233	40%	140
Service Apartment	200	1 petak / 1 unit 20% untuk pengunjung	220	40%	132
Jumlah			1693		1016





Foto 1 dan Foto 2 : Pandangan petak-petak beca yang telah disediakan di hadapan Hotel Cititel, Jalan Penang di Pulau Pinang dengan arahan "BECA SAHAJA". Walau bagaimanapun, didapati kualiti persekitaran petak beca adalah kurang memuaskan kerana kekurangan elemen landskap teduhan dan estetik.



Foto 3: Kawasan pasar, kedai, bazar yang merupakan tumpuan orang ramai juga merupakan kawasan tumpuan beca dan memerlukan penyediaan petak beca yang mencukupi dan teratur (Kuala Terengganu).



Foto 4: Ketiadaan kemudahan letak beca menyebabkan pengusaha terpaksa meletakkan beca dan menunggu di tepi-tepi bangunan yang mempunyai jaluran kuning (Kota Bharu)





Foto 5, dan Foto 6 : Perletakan beca secara berselerak di sekitar pasar besar dan bazar yang merupakan nodus utama aktiviti bandar di Kota Bharu. Perletakan di simpang jalan dan ruang perhentian bas menimbulkan pelbagai masalah dan kesukaran pergerakan kepada orang ramai.

PASUKAN KAJIAN PERANCANGAN GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT LETAK KERETA

PENASIHAT

1. *Y. Bhg Dato' Prof. Zainuddin bin Muhammad* - *Sehingga Januari 2001*
Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
2. *Y. Bhg. Dato' Wan Mohamad Mukhtar bin Mohd. Noor* - *Mulai Februari 2001*
Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia

JAWATAN KUASA PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

1. *Ketua Pengarah* - *Pengerusi*
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
2. *Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)*
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
3. *Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)*
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
4. *Jabatan-Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri-Negeri*
5. *Pejabat Pengurusan*
Bahagian Rancangan Pembangunan
6. *Unit-unit Jabatan Perancangan Bandar dan Desa*
Ibu Pejabat, Semenanjung Malaysia
7. *Bahagian Rancangan Pembangunan*
Perbadanan Putrajaya
8. *Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang*
Jabatan Perdana Menteri
9. *Bahagian Rancangan Jalan*
Kementerian Kerja Raya
10. *Lembaga Pembangunan Labuan*
11. *Lembaga Pembangunan Langkawi*

12. *Kuala Lumpur International Airport Bhd*
13. *Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang*
14. *Unit Penyelidikan dan Pembangunan
Ibu Pejabat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia* - *Urusetia*

JAWATANKUASA PENYELARAS

1. *Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia* - *Pengerusi*
2. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Selangor*
3. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Pahang*
4. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Perak*
5. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Kedah*
6. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Terengganu*
7. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Melaka*
8. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Pulau Pinang*
9. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Kelantan*
10. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Sembilan*
11. *Pengarah
Bahagian Rancangan Pembangunan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa*

12. *Timbalan Pengarah Rancangan Struktur
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa*
13. *Unit Penyelidikan dan Pembangunan
Ibu Pejabat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia* - *Urusetia*

JAWATANKUASA PAKAR

1. *Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia* - *Pengerusi*
2. *Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia*
3. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Selangor*
4. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Perak*
5. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Johor*
6. *Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Pulau Pinang*
7. *Bahagian Perancang Jalan
Kementerian Kerja Raya*
8. *Cawangan Perancangan Jalan
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Kerja Raya*
9. *Jabatan Kerajaan Tempatan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*
10. *Persatuan Pemaju Perumahan*
11. *Unit Penyelidikan dan Pembangunan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia* - *Urusetia*

PASUKAN KAJIAN

GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN TEMPAT LETAK KERETA

A. Pasukan Teras Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Ibu Pejabat)

1. *Puan Hajah Norasiah binti Haji Yahya*
(Ketua Pasukan Kajian)
2. *Cik Lim Siew Chin*
3. *Puan Jamariah binti Isam*
4. *Puan Kalsom Yop binti Mohd Kasim*
5. *En. Zafrie bin Zainuddin*
6. *En. Mohd. Nasir bin Kamin*
7. *Puan Salmiah binti Hashim*
8. *Puan Hajah Naeimah binti Hassan*
9. *En. Mohd Kamal bin Abu Bakar*
10. *Pn. Hajah Norisah binti Rahim*
11. *En. Mohd Yasir bin Said*
12. *Pn. Husniah binti Mohd Hasir*
13. *Pn. Hodijah binti Abdullah*
14. *Pn. Zulridah binti Arshad*

B. Pasukan Pakar Biro Inovasi dan Perundingan UTM

1. *Prof Madya Mohd. Noor Awang*
2. *Prof Madya Dr. Ho Chin Siong*
3. *En. Mohd. Khairul Senin*
4. *En. Chau Loon Wai*